

Rujukan : KKLW.P.100-4/8 Klt.2 ( )

Tarikh : Jun 2006

Semua Ketua Jabatan/Agensi  
Semua Setiausaha Bahagian  
Semua Ketua Unit

**SURAT PEKELILING KETUA SETIAUSAHA  
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH  
BILANGAN 4 TAHUN 2006**

**TANGGUNGJAWAB PEGAWAI  
KEMENTERIAN/JABATAN/AGENSI MEMPERKENALKAN  
DIRI KEPADA PEMIMPIN TEMPATAN**

**1. TUJUAN**

Surat Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan Pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi tentang tanggungjawab mereka untuk memperkenalkan diri kepada pemimpin tempatan semasa menghadiri majlis atau program yang melibatkan Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah (KKLW).

**2. LATAR BELAKANG**

2.1 Kementerian telah menerima aduan dan rungutan daripada Ahli Parlimen, Ahli Dewan Undangan Negeri

(ADUN) dan pemimpin tempatan bahawa mereka tidak mengenali Pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan sesuatu projek di kawasan mereka.

### 3. PERATURAN

3.1 Semua Pegawai Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat adalah diarah mematuhi peraturan seperti berikut:

- a) Mengambil inisiatif untuk “**memperkenalkan diri**” secara rasmi atau tidak rasmi kepada YB Ahli Parlimen, ADUN dan pemimpin tempatan yang terlibat.
- b) Memaklumkan maklumat umum seperti berikut:
  - i) nama pegawai;
  - ii) jawatan pegawai;
  - iii) jenis projek yang sedang/akan dilaksanakan di negeri/kawasan tersebut;
  - iv) no. telefon yang boleh dihubungi dan no. faks pejabat;
  - v) alamat e-mel; dan
  - vi) memberi ‘*Business Card*’ sekiranya ada.
- c) Memaklumkan mengenai pelaksanaan projek di kawasan masing-masing.

d) Berusaha memupuk perasaan muhibah dengan para pemimpin tempatan dengan turut sama menghadiri majlis perjumpaan, perasmian atau apa-apa juga acara rasmi atau tidak rasmi ke arah mewujudkan persefahaman dan perhubungan dua hala yang bermanfaat.

3.2 Pegawai juga perlu memperkenalkan diri kepada Menteri, Timbalan Menteri, Ketua Setiausaha dan Timbalan Ketua Setiausaha yang menghadiri sesuatu majlis atau program yang berkaitan dengan Kementerian/Jabatan/Agensi.

#### **4. KUATKUASA**

4.1 Peraturan ini hendaklah dipatuhi sepenuhnya oleh semua pegawai berkuat kuasa pada tarikh dikeluarkan.

## **5. PEMAKAIAN OLEH JABATAN/AGENSI KKLW**

- 5.1 Peraturan ini adalah tertakluk kepada penerimaan dan kesesuaian Jabatan/Agensi KKLW untuk diterima pakai.

Sekian dan terima kasih.

A handwritten signature in black ink, consisting of a large, stylized 'G' or 'S' shape with a horizontal line extending to the right, ending in a small dot.

**( DATUK DR. MOHD. TAP BIN SALLEH )**